



PEROLEHAN SECARA TENDER TERBUKA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 03 MAC 2025 (ISNIN)

Tawaran tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang **050101** dan **050102** untuk mengambil bahagian di dalam tender seperti berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN (RM)	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	SYARAT PENYERTAAN TENDER	TARIKH TENDER DITUTUP
<p>Tender Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Tujuh (7) Unit Peralatan Perubatan <i>Digital Radiography</i> Bagi Jabatan Radiologi Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia Untuk Tempoh Kontrak Dua (2) Tahun – FASA 4</p> <p>No. Jadual T/P&P : 53/2025</p>	<p>300.00 (Tidak akan dikembalikan)</p>	<p>Tarikh : 06 Mac 2025 (Khamis) Masa : 10.00 pagi Tempat : Hospital Miri</p> <p>Tarikh : 07 Mac 2025 (Jumaat) Masa : 9.30 pagi Tempat : Hospital Sibul</p> <p>Tarikh : 11 Mac 2025 (Selasa) Masa : 2.00 petang Tempat : Hospital Queen Elizabeth</p> <p>Tarikh : 11 Mac 2025 (Selasa) Masa : 2.00 petang Tempat : Hospital Queen Elizabeth II</p> <p>Tarikh : 12 Mac 2025 (Rabu) Masa : 10.00 pagi Tempat : Hospital Wanita Dan Kanak-Kanak Sabah</p> <p>Tarikh : 13 Mac 2025 (Khamis) Masa : 11.00 pagi Tempat : Hospital Lahad Datu</p> <p>Tarikh : 14 Mac 2025 (Jumaat) Masa : 9.00 pagi Tempat : Hospital Tawau</p>	<p>Dokumen Tender boleh diperolehi/dijual selepas taklimat/ lawatan tapak pada 19 Mac 2025 (Rabu) di alamat :-</p> <p>Kaunter Tender Bahagian Perolehan dan Penswastaaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan persekutuan, <u>62590 PUTRAJAYA</u></p> <p>pada waktu-waktu pejabat seperti berikut:-</p> <p>Hari/masa: Isnin – Khamis 8.00 pagi - 1.00 ptg 2.00 ptg - 4.00 ptg Jumaat 8.00 pagi – 12.00 t/hari 2.45 ptg – 4.00 ptg</p>	<p>1) Petender DIWAJIBKAN untuk menghadiri sesi taklimat tender.</p> <p>2) Petender dikehendaki untuk mematuhi semua peraturan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan mengemukakan salinan dokumen seperti berikut: i) Lesen Establimen; dan ii) Sijil Pendaftaran Peranti Perubatan (MDA)</p> <p>3) Syarat menghadiri taklimat tender: Hanya Pegawai/ Pekerja yang diluluskan oleh Syarikat untuk Pengurusan Perolehan Kerajaan seperti di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)/ Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK) SAHAJA yang boleh hadir ke sesi taklimat tender. Syarikat tidak dibenarkan mewakilkan pegawai lain. Pegawai/ Pekerja yang diluluskan Syarikat wajib membawa DOKUMEN di atas bagi mengesahkan kehadiran ke sesi taklimat tender.</p>	<p>09 April 2025, jam 12.00 tengah hari</p>

				<p>4) Petender hendaklah memiliki Lesen Atom Kelas C di bawah Akta 304 Tahun 1984 yang dikeluarkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (sama ada dimiliki oleh prinsipal atau <i>tendering agent</i>).</p> <p>5) Sebarang pertanyaan berkenaan taklimat sila hubungi :</p> <p>Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan Unit Sumber Perubatan Bahagian Perkembangan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia. No. Telefon : 03-8883 6045 / 03-88831130</p>	
--	--	--	--	--	--

Tempat serahan Dokumen Tender hanya di:

**KAUNTER TENDER
BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
ARAS 7, BLOK E7, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3995 / 3994 / 3991 / 3325**

DOKUMEN TENDER YANG LEWAT TIDAK AKAN DITERIMA. KEMENTERIAN INI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DI ATAS SEBARANG KELEWATAN PENGHANTARAAN DOKUMEN TENDER MELALUI POS LAJU / COURIER.

Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal.**

Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan selaras dengan PP/PK 2.2 perenggan 26.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Perolehan bagi tender ini tidak tertakluk dengan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP).

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dalam bentuk **Bank Draf** atau **Money Order sahaja** atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia**.

BAYARAN MELALUI WANG TUNAI/CEK/WANG POS TIDAK DITERIMA.

PEMBEKAL-PEMBEKAL YANG INGIN MEMBELI DOKUMEN TENDER DIWAJIBKAN MEMBAWA SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA YANG ASAL BERSERTA SALINAN (TIDAK DIKEMBALIKAN) UNTUK PENGESAHAN PENDAFTARAN

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

**Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia**